



## SULIT

### SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BILANGAN 1/2015

#### HAD NILAI TAWARAN (*THRESHOLD AMOUNT*) LEMBAGA TAWARAN KECIL (LTK)

Dengan penuh hormat dan takzim sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pengemaskinian pengurusan dan pentadbiran hal ehwal tawaran Lembaga Tawaran Kecil (LTK) di Kementerian-Kementerian seperti berikut:

- 1.1 Had nilai tawaran (*threshold amount*) yang dikendalikan di peringkat LTK bagi semua Kementerian diturunkan daripada \$500,000.00 kepada \$250,000.00.
- 1.2 Bagi tujuan meningkatkan disiplin dan akauntabiliti LTK terutama sekali di dalam memastikan bahawa penilaian sokongan tawaran adalah berdasarkan kepada *value for money* dan adalah selaras dengan kebenaran peruntukan, setiap pembelian atau perolehan yang dikendalikan samada melalui proses Sebutharga atau Tawaran, hendaklah memenuhi syarat-syarat di dalam *checklist* di **LAMPIRAN 1.1** dan borang sokongan di **LAMPIRAN 1.2** sebagai panduan dan rujukan.
- 1.3 Semua pembelian kenderaan hendaklah dihadapkan untuk pertimbangan Lembaga Tawaran Negara bagi tujuan pengawalan jumlah pembelian kenderaan dari segi keutamaan dan jenis keperluan dengan menyertakan senarai daftar kenderaan yang ada pada masa ini digunakan oleh Kementerian/Jabatan yang memohon.
- 1.4 Pegawai/Kakitangan yang didapati tidak mematuhi peraturan-peraturan di atas boleh dikenakan tindakan tatatertib dan/atau surcaj selaras dengan peraturan yang berjalan dari masa kesemasa.



- 1.5 Menghadapkan Salinan Minit Mesyuarat LTK yang telah diluluskan oleh Menteri masing-masing ke Lembaga Tawaran Negara tidak lewat daripada satu (1) minggu dari tarikh ianya diluluskan.

Surat Keliling bagi pengemaskinian pengurusan dan pentadbiran hal ehwal tawaran Lembaga Tawaran Kecil (LTK) di Kementerian-Kementerian ini akan berkuatkuasa mulai 1 April 2015. Walaubagaimanapun, peraturan-peraturan lain yang berhubungkait dengan hal ehwal tawaran di Surat Keliling Kementerian Kewangan bilangan 3/2004 bertarikh 26 Oktober 2004 yang tidak berkaitan dengan perubahan tersebut di atas adalah masih dikekalkan.

Sebarang pertanyaan bolehlah dibuat terus kepada Setiausaha Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan di Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB3910, Telefon: 2383864/2383861/2383870.

Peramba/Kaola/Saya Yang Taat  
Lagi Setia Pada Menjunjung Titah Perintah

A handwritten signature in black ink, appearing to read "EDDIE BIN DATO PADUKA HAJI SUNNY".

**( EDDIE BIN DATO PADUKA HAJI SUNNY )**  
Setiausaha Tetap (Prestasi)  
Kementerian Kewangan  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan: KKW/X/91  
Tarikh: 14 Jamadilakhir 1436  
4 April 2015



### Pembahagian Kepada:

Yang Mulia Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri  
Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan  
Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan  
Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan  
Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan  
Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama  
Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kementerian Perhubungan  
Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kemnterian Hal Ehwal Dalam Negeri  
Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan  
Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan  
Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Yang Mulia Juruaudit Agung  
Yang Mulia Jurukira Agung